

**Pelaburan ke Langkawi beri kesan positif kepada sektor pelancongan**  
**Astro Awani**  
**22 February, 2014**

**KUALA LUMPUR:** Komitmen pelaburan masuk ke Langkawi sehingga November berjumlah RM12 bilion dengan RM8 bilion telah dizahirkan oleh para pelabur.

Ia jauh melebihi sasaran dalam 'blueprint' pelancongan Langkawi untuk pulau peranginan itu menerima pelaburan sebanyak RM5 bilion pada 2015.

Menteri Besar Kedah, Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir berkata pelaburan yang diterima tahun ini merupakan satu peningkatan yang cukup besar, berbanding dengan RM5.08 bilion yang dicatatkan tahun lalu.

Beliau berkata antara pelaburan yang telah dimuktamadkan adalah Projek Perdana Quay Resort oleh Tradewinds Sendirian Berhad dan cadangan pembangunan 'boutique resort' dan marina di Pulau Rebak oleh DRB Hicom dimana kedua-duanya berjumlah RM2 billion.

Manakala, projek pembangunan Telok Datai yang akan dimajukan oleh Khazanah Nasional Berhad bernilai RM1.5 bilion.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D).

Source : <http://www.astroawani.com/news/show/pelaburan-ke-langkawi-beri-kesan-positif-kepada-sektor-pelancongan-27269?cp>

